

01 JUN 1998

Anyaoku-Krisis

KOMANWEL KAJI KESAN KRISIS EKONOMI ASIA

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Pendapat negara-negara membangun mengenai kesan krisis kewangan dan ekonomi Asia akan menjadi tumpuan utama dalam satu kajian khas yang diterajui oleh Komanwel.

Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku berkata hasil kajian itu akan berperanan sebagai input dalam satu perdebatan global mengenai perkara itu.

"Ia adalah berbeza daripada inisiatif lain oleh pertubuhan-pertubuhan seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia kerana ia akan dilakukan dalam perspektif negara-negara membangun.

"Saya berharap kumpulan pakar itu akan dapat menganalisis punca sebenar krisis ekonomi Asia dan dapat menawarkan cara-cara terbaik untuk mengelakkan keadaan sebegini," katanya dalam satu temuramah di sini.

Beliau merujuk kepada kumpulan 10 anggota itu terdiri daripada mereka yang paling berkelayakan diketuai oleh bekas menteri kewangan Afrika Selatan, yang akan mengadakan mesyuarat pada 15 Jun ini di London. Malaysia akan diwakili oleh Penolong Gabenor Bank Negara Dr Zeti Akhtar Aziz.

Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus juga telah berjanji untuk menghantar seorang wakil bagi menyertai perbincangan itu, kata Anyouku.

Selain daripada mengemukakan laporan kumpulan pakar itu pada mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komanwel di Ottawa pada penghujung September ini, beliau bercadang mengemukakannya kepada IMF dan institusi-institusi kewangan lain untuk tindakan selanjutnya.

Anyouku, yang berada di Kuala Lumpur minggu lepas untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel, juga mengambil kesempatan itu untuk memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai inisiatif Komanwel.

Beliau berkata Komanwel juga berminat untuk mengetahui mengenai Malaysia, yang walaupun terkenal mempunyai asas ekonomi yang kukuh, turut dilanda masalah ekonomi itu.

"Ini kerana sudah sekian lama Malaysia merupakan harapan besar bagi negara-negara membangun kerana ekonominya yang sangat baik.

"Banyak pihak memandang tinggi terhadap Malaysia sebagai satu contoh terbaik bagaimana sesebuah negara membangun dapat keluar daripada kemiskinan dan mula memainkan peranan dalam ekonomi global," katanya.

Anyouku berkata masalah itu akan menyebabkan Malaysia menghadapi kelembaban pelaburan di luar negara termasuk di negara-negara Afrika.

Krisis itu, yang bermula dengan kejatuhan baht Thai pada Julai tahun lepas, telah menyebabkan beberapa negara Asia seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan memohon bantuan kewangan daripada IMF.

Mengulas mengenai pakej pinjaman IMF itu yang disertai dengan syarat-syarat ketat untuk negara-negara berkenaan melakukan reformasi, Anyaoku berkata walaupun langkah IMF berbuat demikian memang difahami, tidak semua peraturan itu dapat dipenuhi.

"Apa yang sangat merunsingkan saya ialah setengah daripada cara itu terutamanya yang berkaitan dengan liberalisasi, selalunya menyebabkan negara-negara maju membeli aset di negara-negara yang dilanda krisis," katanya.

Selain daripada perkara yang berkaitan ekonomi, Anyaoku berkata perkumpulan 54 anggota itu juga aktif dalam program politik dan berperanan sebagai satu intrumen dalam mempromosikan demokrasi dan pentabiran yang baik.

"Kami berusaha gigih membantu negara-negara membangun yang mengamalkan demokrasi untuk mengekalkannya," katanya.

Beliau berkata sekumpulan pemerhati Komanwel juga baru menamatkan tugas mereka dalam pilihan raya kebangsaan Lesotho.

Beliau juga berkata Kumpulan Tindakan Menteri-menteri Komanwel mengenai Nigeria, yang keanggotaannya dalam kumpulan itu telah digantung sejak 1995, akan menilai rancangan negara itu ke arah kerajaan demokratik pada 1 Okt ini.

"Jika rancangan Nigeria dapat disempurnakan dengan jayanya, saya boleh bayangkan Komanwel mungkin mencapai keputusan menarik balik penggantungan itu.

"Jika program itu tidak dilaksanakan dengan jayanya atau dilaksanakan mengikut cara yang Komanwel rasa tidak berwibawa, saya rasa ia mungkin tidak akan ditarik balik," katanya.

Penggantungan itu dibuat selepas Nigeria menghukum bunuh seorang pengarang, Ken Saro-Wiwa dan lapan orang aktivis hak asasi kemanusiaan.

-- BERNAMA

MAM NAK